



**POLISI**

**TAJAJAN DAN SUMBANGAN / DERMA**

**KWSP**

## KANDUNGAN

1.	TUJUAN	1
2.	OBJEKTIF	1
3.	DEFINISI	1
4.	SKOP DAN PEMAKAIAN	2
5.	JENIS-JENIS TAJAAN DAN SUMBANGAN / DERMA	2
6.	BORANG PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN DAN AKU JANJI	3
7.	TAJAAAN YANG DIBENARKAN	3
8.	TAJAAAN DAN SUMBANGAN / DERMA YANG DILARANG	4
9.	SEMAKAN PEMATUHAN ( <i>COMPLIANCE CHECK</i> )	4
10.	PELANGGARAN POLISI	5
11.	MEMBUAT LAPORAN, ADUAN DAN MEMBERI MAKLUMAT	5
12.	PINDAAN / PENGEMASKINIAN	5
13.	TARIKH KUAT KUASA	5
14.	LAMPIRAN	6

## **1. TUJUAN**

Polisi ini merupakan panduan dalam mengendalikan tajaan dan sumbangan / derma di peringkat korporat yang perlu dipatuhi oleh Anggota KWSP dan Anak Syarikat Milik Penuh KWSP dalam dan luar negara.

## **2. OBJEKTIF**

- 2.1 Untuk menghalang pengaruh yang tidak wajar kepada individu yang bertanggungjawab dalam membuat keputusan, perkhidmatan atau kontrak.
- 2.2 Untuk melarang aktiviti/program yang diadakan dengan niat untuk memperoleh peluang perniagaan (*future benefits*) di masa hadapan.
- 2.3 Untuk menguruskan tanggapan / persepsi negatif terhadap KWSP berkaitan perkara ini.

## **3. DEFINISI BAGI TUJUAN POLISI INI**

- 3.1 “Tajaan” merujuk kepada sebarang perkara yang diterima sebagai tajaan, sama ada dalam bentuk kewangan atau barangan/perkhidmatan (in kind), termasuk kemudahan pembiayaan atau yuran/bayaran pendaftaran, daripada atau kepada Pihak Ketiga, bagi tujuan rasmi seperti kursus, latihan, seminar, lawatan, konvensyen, lawatan sambil belajar, latihan perindustrian, dan aktiviti rasmi lain.
- 3.2 “Sumbangan” atau “Derma” merujuk kepada bantuan sokongan yang diberikan dan/atau diterima tanpa syarat dan/atau secara sukarela oleh KWSP, sama ada dalam bentuk wang tunai atau barangan/perkhidmatan (in kind), kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (Non-Government Organisation), persatuan atau badan kebajikan, sebagai tanggungjawab korporat untuk membantu mereka yang dilanda musibah/kecelakaan, menyokong kemanusiaan, dan memupuk muhibah (goodwill) dalam masyarakat.

- 3.3 “Pihak Ketiga” merujuk kepada mana-mana pihak luar yang mempunyai hubungan rasmi atau perniagaan dengan KWSP seperti kontraktor, sub-kontraktor, konsultan, ahli / majikan KWSP, ejen, Kerajaan Malaysia / agensi-agensi di bawah Kerajaan Malaysia atau mana-mana Pihak Ketiga yang dilantik bagi menjalankan perkhidmatan untuk / bagi pihak KWSP.

#### **4. SKOP DAN PEMAKAIAN**

- 4.1 Anggota KWSP bertaraf tetap, sementara, kontrak, sambilan dan pinjaman atau taraf-taraf perkhidmatan lain di KWSP;
- 4.2 Anggota yang mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam anak syarikat KWSP bertaraf Special Purpose Vehicle (SPV); dan
- 4.3 Anggota bagi anak syarikat milik penuh KWSP yang tidak mempunyai kawalan berkaitan perkara yang termaktub dalam polisi ini atau pihak yang mempunyai kepentingan dengan KWSP.
- 4.4 Bagi konteks pemberian sumbangan/derma, polisi ini hendaklah dirujuk dengan dokumen rujukan berkaitan yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Korporat (Corporate Affairs Department).

#### **5. JENIS-JENIS TAJAAN DAN SUMBANGAN / DERMA**

##### **5.1 Tajaan:**

- 5.1.1 Tajaan untuk penganjuran majlis korporat secara bersama (*co-hosting*) dengan Pihak Ketiga.
- 5.1.2 Tajaan adalah tertakluk kepada tadbir urus yang baik.

##### **5.2 Sumbangan / Derma:**

- 5.2.1 Sumbangan / derma yang dibenarkan adalah untuk program yang selari dengan hala tuju strategik KWSP (*EPF Strategic Directive*) seperti untuk pembangunan sosio-ekonomi Negara, inovasi dan pendidikan, kesihatan umum dan perlindungan alam sekitar.

5.2.2 Sumbangan / Derma yang dibuat oleh persatuan / kesatuan / anggota secara individu kepada pihak luar adalah dibenarkan selagi ia tidak menjejaskan nama baik KWSP atau menyalahi undang-undang berkaitan.

5.2.3 Sumbangan / Derma adalah untuk penjenamaan dan reputasi KWSP tertakluk kepada tadbir urus yang baik.

5.3 Pelaksanaan hendaklah bertujuan untuk mempromosi dan mempamerkan :

5.3.1 Penjenamaan dan reputasi KWSP.

5.3.2 Tadbir urus baik.

## **6. BORANG PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN DAN AKU JANJI**

Pihak yang terlibat (KWSP bersama Pihak Ketiga) dalam tajaan dan sumbangan / derma bertanggungjawab melengkapkan **Borang Pengisytiharan Kepentingan dan Aku Janji** untuk proses semakan bagi memastikan aktiviti tersebut bukan berunsur rasuah yang boleh menjejaskan reputasi dan kredibiliti kedua belah pihak serta tidak bertentangan dengan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. (**Rujuk Lampiran**)

## **7. TAJAAN YANG DIBENARKAN**

7.1 Sebarang tajaan yang ditawarkan tidak boleh bersifat eksklusif kepada KWSP.

7.2 Tajaan oleh pihak yang mempunyai hubungan kontrak dengan KWSP, dan tidak melibatkan Pihak Ketiga bukan berkontrak (non-contractual third party).

7.3 Bagi situasi di atas, hanya fi/yuran penyertaan sahaja yang dibenarkan untuk ditaja oleh Pihak Ketiga. Kos penginapan dan pengangkutan adalah ditanggung oleh KWSP.

## 8. TAJAAN DAN SUMBANGAN / DERMA YANG DILARANG

- 8.1 Perkara yang melanggar polisi, arahan kerja dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Pengurusan KWSP atau undang-undang berkaitan;
- 8.2 Tajaan dan sumbangan/derma dibuat dalam bentuk pemberian wang tunai atau pemindahan wang secara atas talian kepada KWSP dan / atau Anggota KWSP;
- 8.3 Perkara yang dilakukan dengan niat untuk mendorong anggota KWSP untuk melakukan sesuatu yang tidak wajar yang berkaitan dengan kewangan atau pelanggaran integriti, fraud dan/atau rasuah; dan
- 8.4 Perkara berkaitan politik atau berunsurkan politik.

## 9. SEMAKAN PEMATUHAN (*COMPLIANCE CHECK*)

- 9.1 Setiap aktiviti tajaan dan sumbangan / derma hendaklah melalui Semakan Pematuhan (*Compliance Check*). Ini bertujuan untuk mengesahkan tiada risiko yang boleh menjurus ke arah meletakkan KWSP dalam kedudukan yang sukar pada masa kini atau akan datang.
- 9.2 Pihak yang bertanggungjawab menjalankan Semakan Pematuhan (*Compliance Check*) adalah seperti berikut:

i. KWSP	Melaksanakan Fungsi Integriti dan Tadbir Urus
ii. Anak Syarikat Milik Penuh KWSP	Melaksanakan Fungsi Integriti dan Pematuhan
iii. Pihak Ketiga	Melaksanakan Fungsi Pematuhan ( <i>Compliance Function</i> ) masing-masing

- 9.3 Kedua belah pihak hendaklah membuat pengesahan rasmi bahawa tajaan dan sumbangan / derma tersebut tiada berunsurkan rasuah dan bebas daripada konflik kepentingan.

## **10. PELANGGARAN POLISI**

- 10.1 Pelanggaran ke atas Polisi ini boleh menyebabkan anggota dikenakan tindakan disiplin sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
- 10.2 Mana-mana pelanggaran yang serius dan berbentuk jenayah seperti rasuah dan/atau fraud, akan dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan/atau undang-undang berkaitan.

## **11. MEMBUAT LAPORAN, ADUAN DAN MEMBERI MAKLUMAT**

Sebarang laporan/aduan/maklumat boleh dikemukakan melalui saluran aduan KWSP atau saluran aduan yang bersesuaian.

## **12. PINDAAN / PENGEMASKINIAN**

- 12.1 Cadangan pindaan ke atas polisi ini hendaklah dirujuk kepada Pengurusan Tertinggi untuk perakuan bagi tujuan mendapatkan kelulusan Lembaga dan/atau Jawatankuasa Lembaga.
- 12.2 Pengemaskinian Polisi yang bersifat kosmetik dan bukan substantif dalam Polisi ini akan dilaksanakan oleh Jabatan Integriti & Tadbir Urus (JITU) dengan kelulusan Pengurusan Tertinggi.

## **13. TARIKH KUAT KUASA**

Pindaan polisi ini telah diluluskan melalui Mesyuarat BRMSC Bil. 01/2026 bagi menggantikan polisi sedia ada, **berkuat kuasa mulai 9 Februari 2026.**



**PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN DAN AKU JANJI**

Sila lengkapkan maklumat di ruangan yang disediakan di bawah:

<b>JENIS AKTIVITI</b>	Tajaan		
	Sumbangan / Derma		
<b>PIHAK YANG TERLIBAT</b>	Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Nama Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Bahagian / Ketua Jabatan / Pengarah Wilayah / Ketua Cawangan	
		Bahagian	
		Nama Anggota	
		Jabatan / Pejabat Wilayah / Cawangan	
	Pihak Ketiga	Nama Pegawai (melaksanakan fungsi pematuhan)	
		Nama Organisasi / Agensi / Persatuan / Kesatuan	

## PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN DAN AKU JANJI

Kami / Saya dengan ini memberi aku janji tanpa bersyarat dan tidak boleh batal seperti berikut:

1. (a) tidak mempunyai apa-apa kepentingan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam tajaan / sumbangan / derma dengan Pihak Ketiga.
- (b) sekiranya mempunyai kepentingan, Kami / Saya dengan ini membuat pengisytiharan seperti berikut:

Perkara ( <i>rujuk pernyataan dibawah</i> )	Kepentingan <i>Sila tandakan (/)</i> <i>pada <u>semua</u></i> <i>ruangan di bawah</i>		Penerangan ( <i>jika ada</i> )
	Ada	Tiada	
<i>(Ruangan untuk diisi oleh wakil KWSP)</i>			
Keluarga Terdekat*			
Pendedahan Kepentingan**			
Hubungan Perniagaan atau Hubungan Rasmi***			
<i>(Ruangan untuk diisi oleh wakil Pihak Ketiga)</i>			
Keluarga Terdekat*			
Pendedahan Kepentingan**			
Hubungan Perniagaan atau Hubungan Rasmi***			

Nota : Sila lengkapkan jadual di atas berdasarkan maklumat di bawah:

### **Rujukan :**

\* **“Keluarga Terdekat”** hendaklah termasuk suami/isteri, anak (termasuk anak tiri dan anak angkat), ibu bapa (termasuk ibu bapa mertua), adik-beradik serta pasangan kepada anak/adik/abang/kakak.

\*\* **“Pendedahan Kepentingan”** hendaklah dibuat ke atas kepentingan material yang bermaksud seperti berikut :

- (i) mempunyai pegangan saham sekurang-kurangnya 5% dalam mana-mana syarikat yang terlibat dalam proses tajaan / sumbangan / derma;
- (ii) menjadi Ahli Lembaga Pengarah dalam mana-mana syarikat tersebut; atau
- (iii) menjadi penasihat kepada mana-mana syarikat tersebut.

\*\*\* **“Hubungan Perniagaan atau Hubungan Rasmi”** di antara Bahagian / Jabatan / Pejabat Wilayah / Cawangan dengan Pihak Ketiga.

## PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN DAN AKU JANJI

---

2. Kami / Saya tidak akan melibatkan diri dalam mana-mana amalan rasuah / fraud atau bersubahat dengan mana-mana Pihak Ketiga yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sehingga boleh menjejaskan ketelusan dan keadilan semasa proses pengendalian tajaan / sumbangan / derma dilaksanakan.
3. Pada setiap masa, Kami / Saya akan mematuhi peruntukan undang-undang Negara termasuklah arahan atau peraturan yang berkaitan rasuah.
4. Aktiviti tajaan / sumbangan / derma yang dilaksanakan adalah bebas dari rasuah, konflik kepentingan, salah guna kuasa atau penyelewengan dan tidak boleh digunakan sebagai alasan / penyebab oleh kedua-dua belah pihak yang terlibat untuk memperolehi faedah/kelebihan dalam apa-apa urusan niaga di masa hadapan.
5. Sekiranya ada sebarang percubaan untuk memberi dan / atau menerima rasuah daripada mana-mana pihak, Kami / Saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kami / Saya sedar kegagalan untuk berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

<b>Pihak Ketiga</b> (Ruangan perlu dilengkapi oleh wakil Pihak Ketiga)	<b>Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)</b> (Ruangan perlu dilengkapi oleh wakil KWSP)
Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :	Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :

**Disediakan oleh:**

Jabatan Integriti & Tadbir Urus  
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja



**DECLARATION OF INTEREST AND UNDERTAKING LETTER**

Please complete the information in the space provided below:

<b>TYPE OF ACTIVITY</b>	Sponsorship		
	Contribution / Donation		
<b>PARTIES INVOLVED</b>	To be filled in by the Representative of the Employees Provident Fund (EPF)	Name of Chief Executive Officer/ C-Suite / Head of Department / Head of Regional Head / Head of Branch	
		Division	
		Staff Name	
		Department	
	To be filled in by the Representative of the Third Party	Officer name ( <i>compliance functions</i> )	
		Name of Organisation / Agency / Association / Union	

## DECLARATION OF INTEREST AND UNDERTAKING LETTER

---

We / I hereby give an unconditional and irrevocable as follows:

1. (a) Have no direct or indirect interest in sponsorship / contribution / donation with the Third Party.

(b) If We / I have any interest, We / I hereby make following declaration:

Item <i>(refer to statement below)</i>	Type of Interest <i>Please tick (/) <u>all</u> box</i>		Remarks <i>(if any)</i>
	Yes	No	
<i>(To be filled in by EPF representative)</i>			
Close family*			
Disclosure of Interest**			
Business or Official Relationship***			
<i>(To be filled in by representative of a Third Party)</i>			
Close family*			
Disclosure of Interest**			
Business or Official Relationship***			

Note: Please complete the table above based on the information below:

Item:

\* **“Close family”**: Spouse, children (including stepchildren and adopted children), parents (including parents-in-law), siblings, as well as the spouses of one’s children and siblings.

\*\*\***“Disclosure of Interest”** shall be made on material interests which mean as follows:

- (i) Hold at least 5% of shares in any company involved in the sponsorship / contribution / donation process.
- (ii) Serving as a member of the board of directors of any such company; or
- (iii) Acting as an advisor to any such company.

\*\*\*\***“Business or Official Relationship”** between Division / Departments / Regional Offices / Branches with Third Party.

## DECLARATION OF INTEREST AND UNDERTAKING LETTER

---

2. Will not engage in any corrupt practises or collude with any third party involved directly or indirectly that may affect transparency and fairness during the sponsorship or donation process.
3. At all times, We / I will comply with the provisions of the laws of the country, including any directives or regulations relating to corruption.
4. The sponsorship / donation activity carried out is free from corruption, conflicts of interest, abuse of power, or misconduct and cannot be used as a reason or cause by both parties involved to obtain benefits/advantages in any future business dealings.
5. If there is any attempt to give and / or receive bribe from any party, we will immediately make a report to the office of the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) or the nearest police station. We are aware that our failure to do so is an offense under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694].

<b>Third Party</b> <i>(To be completed by the Third Party representative)</i>	<b>The Employees Provident Fund (EPF)</b> <i>(To be completed by EPF representative)</i>
Signature : Name : Position : Date :	Signature : Name : Position : Date :

**Prepared by:**  
Integrity & Governance Department  
Employees Provident Fund